

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI
[PUTATAN]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO: 15

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan Dewan Undangan Negeri Sabah pada bulan November 2018 telah meluluskan Pindaan terhadap Sekyen 4 Ordinan Tanah (Bab 68) yang memperhalusi takrifan tanah dengan memasukkan dasar mana-mana sungai, tasik serta kawasan lautan dalam pelantar benua bersempadan dengan perairan wilayah Sabah. Ianya membolehkan negeri Sabah menuntut sebarang cukai jualan ke atas apa sahaja hasil laut serta aktiviti di atas mahupun di dasar laut. Soalannya, apakah pendirian Kementerian dalam usaha untuk menyerahkan kawalan sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk menguruskan hasil lautnya sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian mengambil maklum berhubung pindaan terhadap Seksyen 4 Ordinan Tanah (Bab 68) oleh Kerajaan Negeri Sabah yang memperhalusi takrifan tanah. Pindaan ini turut melibatkan perkara berhubung perikanan yang di bawah kawal selia Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
2. Perkara berhubung perikanan termasuk penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara (tidak termasuk penyu) adalah suatu perkara yang disenaraikan dalam Senarai Persekutuan di bawah butiran 9 Senarai I dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan dan juga perkara yang sama disenaraikan dalam Senarai Bersama di bawah butiran 12 Senarai IIIA dalam Jadual Kesembilan tersebut berkenaan dengan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak.
3. Dalam hal ini, perkara berhubung penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara negeri Sabah merupakan salah satu tuntutan Kerajaan Negeri Sabah dalam Semakan Perjanjian Malaysia (MA63).
4. Perundingan berhubung tuntutan Kerajaan Negeri Sabah mengenai perikanan masih lagi berjalan di antara kedua-dua pihak.
5. Kementerian faham bahawa Kerajaan Negeri Sabah mempunyai hak dalam menuntut kuasa perikanan sebagaimana Butiran 12 Senarai IIIA Senarai Bersama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, perbincangan antara Kementerian dan Kerajaan Negeri Sabah yang sedang berlangsung ini perlu diteruskan dan amat penting bagi memastikan keputusan yang diambil berkaitan hal perikanan kelak adalah keputusan yang tepat bagi kedua-dua pihak. Perbincangan ini akan memperhalusi segala implikasi yang terlibat demi memelihara kepentingan sektor perikanan negara secara keseluruhannya termasuk mengambil kira keperluan domestik dan antarabangsa. Sekian, terima kasih.